

FAQ PENDAFTARAN AKTIVITI PEDAGANG (T/T)

1) Mengapa aktiviti pedagang wajib berdaftar?

Pendaftaran bagi aktiviti pedagang adalah berdasarkan seksyen 13(1)(f), Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105] pindaan 2011 berkenaan larangan menjalankan aktiviti perkayuan kepada pedagang tanpa berdaftar di bawah Akta ini.

2) Siapakah yang dimaksudkan sebagai pedagang?

Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Tatacara, merujuk kepada tafsiran subseksyen 2(1) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105]:

“pedagang” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan menjual, memperdagangkan, mengagih atau memasarkan kayu bagi maksud pasaran dalam negeri”

3) Siapakah yang wajib mendaftar sebagai pedagang?

Mana-mana syarikat yang tersenarai menjalankan skop aktiviti bagi salah satu kategori berikut, menjalankan lebih dari satu kategori berikut atau menjalankan semua kategori berikut:

- i. Syarikat yang menjalankan aktiviti **pemindah kayu dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak**;
- ii. Syarikat yang mendapat **insentif/bantuan** daripada MTIB atau MTC;
- iii. Syarikat yang menjalankan aktiviti **mengilang**, menjual dan menyimpan produk kayu dan berasaskan kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri; dan
- iv. Syarikat yang menjalankan aktiviti **membeli**, menjual dan menyimpan produk kayu dan berasaskan kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri.

4) Mengapakah penguatkuasaan secara pentadbiran dibuat?

Penguatkuasaan pendaftaran secara pentadbiran sangat perlu bagi:

- a) Memantau aspek legaliti perdagangan kayu dalam negara;
- b) Mengawalselia aktiviti pedagang melalui pendaftaran dan penguatkuasaan; dan
- c) Mengelakkan aktiviti penipuan syarikat yang mengambil kesempatan terhadap pembeli.

5) Apakah yang dimaksudkan dengan pendaftaran secara pentadbiran?

Pemohon perlu mengisi borang permohonan, mengemukakan dokumen-dokumen yang telah disahkan dan menghantar permohonan melalui pos/kurier ke Ibu Pejabat MTIB. Tiada fi pendaftaran dikenakan.

6) Apakah prosedur pendaftaran dan dokumen- dokumen yang diperlukan?

Rujuk lampiran yang mengandungi Panduan dan Syarat Pendaftaran Aktiviti Pedagang termasuk dokumen yang diperlukan.

7) Bagaimanakah hendak mendapatkan borang permohonan?

Borang permohonan pendaftaran boleh diperolehi di laman web MTIB di www.mtib.gov.my.

8) Berapakah jumlah fi yang dikenakan untuk pendaftaran pedagang?

Tiada Fi Pendaftaran aktiviti pedagang secara pentadbiran dikenakan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

9) Dimanakah permohonan ini harus dihantar?

Permohonan yang telah lengkap berserta dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat MTIB di alamat berikut:

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
Level 13-17, Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu
50728 Cheras
Kuala Lumpur.
(u.p: Seksyen Pendaftaran, Bahagian Pelesenan dan Inspektorat)

10) Berapa lamakah permohonan akan diproses?

Permohonan diproses dalam tempoh 5 hingga 7 hari bekerja setelah dokumen lengkap diterima.

11) Adakah syarikat yang telah berdaftar sebagai pengeksport (T/E), pembekal (T/S) atau kedua-duanya perlu menambah aktiviti pendaftaran sebagai pedagang?

T/E dan T/S sediaada yang berdaftar dengan MTIB tidak perlu berdaftar sebagai pedagang kecuali sekiranya ada menjalankan aktiviti perdagangan dalam negeri.

12) Bilakah pendaftaran ini akan berkuatkuasa?

Permohonan pendaftaran dibuka bermula dari 1 Mac 2022 dan penguatkuasaan pendaftaran aktiviti pedagang (T/T) secara pentadbiran akan berkuat kuasa mulai 1 April 2022.

13) Bagaimanakah kelulusan pendaftaran dimaklumkan?

Kelulusan pendaftaran akan dimaklumkan melalui surat kelulusan yang akan dihantar ke alamat pemohon seperti di borang permohonan.